

DSA 2022 dan NATSEC 2022

KDN tandatangani MoU, kontrak RM2.596b perkara aset keselamatan

Bukti komitmen kerajaan pastikan negara berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dan lapan kontrak dengan nilai keseluruhan RM2.596 billion.

Ia sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan aset keselamatan negara berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi.

MoU itu ditandatangani dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), manakala tiga kontrak bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) membabitkan nilai RM249.5 juta, empat kontrak (Jabatan Imigresen/RM2.22 billion) serta satu kontrak ber-



Hamzah (tiga dari kiri) menyaksikan majlis menandatangani MoU dan Kontrak KDN pada Pameran DSA dan NATSEC 2022 di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani (dua dari kiri). (Foto BERNAMA)

sama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) (RM124.2 juta).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata pihaknya sentiasa komited dalam meletakkan aspek keselamatan nasional sebagai agenda utama khususnya dalam perancangan perolehan.

"Apa yang kita buat ini membuktikan bahawa banyak kontrak yang sebenarnya kita sedang kaji bukan hanya yang ini, banyak lagi aplikasi dan penyelesaian diperlukan.

"Ini membuktikan kerajaan

beri keutamaan kepada keselamatan dalam negara.

"Apabila sesuatu perancangan selesai dan kita bagi kontrak serta kita tandatangan membuktikan kita bukan hanya bercakap mengenai perancangan, tetapi kita lantik kontraktor untuk teruskan agenda kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoU dan Kontrak KDN sempena Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2022 dan Pameran Perkhidmatan Kesela-

matan Asia (NATSEC) 2022, di sini, semalam.

MoU dan kontrak itu ditandatangani Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Dr Yusof Ismail dan wakil syarikat tempatan.

Antara kontrak berimpak tinggi yang ditandatangani adalah perolehan peralatan Satelit X-Band untuk PDRM, projek naik taraf Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) untuk APMM dan Projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional

(NIISe) bagi Jabatan Imigresen.

Hamzah berkata, majlis berkeajaan juga adalah simbolik usaha kerajaan untuk memastikan keselamatan negara terpelihara daripada segala ancaman dengan mengutamakan perolehan aset strategik.

"Ia mendukung tema Pameran DSA dan NATSEC 2022 iaitu *Advancing into a New Era of Defence and Security*.

"Semoga dengan usaha ini KDN akan kekal komited memastikan keselamatan negara terpelihara," katanya.